

▼26/04/13-56MS1

CNS9785

U GB 26-04 00180 BH058

bah

Mahathir - MTUC

RAKYAT DIMINTA MENILAI PERJUANGAN SEBENAR KEPIMPINAN MTUC

KUALA LUMPUR, 26 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata rakyat perlu menilai matlamat sebenar perjuangan kepimpinan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) yang mengutamakan kepentingan diri daripada kebajikan pekerja.

"Pemimpin MTUC hanya sibuk untuk mendapatkan sokongan dan tidak peduli jika ada pengangguran... bahkan ia lebih sukajika ramai yang menganggur," katanya kepada pemberita selepas menghadiri istiadat perasmian Penggal Ketiga Majlis Parlimen Kelapan oleh Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah di Bangunan Parlimen di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas tindakan MTUC mengecam cara kerajaan mengendalikan isu perburuhan dalam Laporan Tahunannya untuk 1991/92 yang dihantar kepada Persekutuan Antarabangsa Kesatuan Sekerja Bebas (ICFTU).

Laporan itu yang diserahkan oleh MTUC kepada ICFTU, sebuah persekutuan kesatuan sekerja yang paling berpengaruh dan terbesar di dunia, antara lain menuduh kerajaan cuba mengambilalih peranan kesatuan sekerja kerana hendak menganjurkan perayaan Hari Pekerja pada 1 Mei.

Semalam Menteri Sumber Manusia Datuk Lim Ah Lek dilaporkan berkata kementerian menerima salinan laporan itu. -- Lagi

▼26/04/14-58MST

CNS9790

U GB 26-04 00119BH059

bah

Mahathir - MTUC 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata, kepimpinan MTUC sebenarnya berjuang bagi kepentingan diri yang ada kaitan rapat dengan parti politik tertentu di negara ini yang mempunyai niat lain.

"Pekerja Malaysia mesti memahami kepimpinan MTUC telah dijadikan alat politik kepada ahli politik tertentu," kata beliau.

Dr Mahathir berkata kerajaan tidak dapat mengambil tindakan terhadap para pemimpin MTUC kerana jika tindakan itu diambil, mereka akan bertindak menyuruh Amerika Syarikat untuk menarik balik keistimewaan yang diberikan oleh negara itu kepada barangan Malaysia.

Beliau juga berkata MTUC selalubergantung kepada wakil kesatuan asing di Malaysia untuk kepentingannya bagimenghalang pertumbuhan ekonomi dan peluang pekerjaan negara ini. -- Lagi

▼26/04/15-04MST

CNS9803
U GB 26-04 00086 BH060
bah

Mahathir - MTUC 3 (Akhir) Kuala Lumpur

"Jika dikaji, tidak ada satupun pekerjaan yang diwujudkan oleh MTUC,"
katanya.

Ketika ditanya mengenai delegasi Malaysia ke persidangan Pertubuhan
Buruh Antarabangsa (ILO) Jun ini, Dr Mahathir berkata, anggota perwakilan
itu belum ditentukan tetapi sesiapa yang mewakili pekerja boleh menghadiri
ILO.

Setiausaha ICFTU-Pejabat Rantau Asia Pasifik, Takashi Izumi, yang
dihubungi di Singapura, berkata beliau tidak tahu menahu tentang apa yang
dibangkitkan oleh Lim. -- Bernama

BK AZG MIB